

Straits rancang penghutanan semula Setiu, lancar Pusat Penyelidikan Gelam

November 4, 2024 @ 7:28pm



Dr Paul Yap, Pengurus Projek Benua Hijau Sdn Bhd (kiri, barisan hadapan), memberikan penerangan mengenai aktiviti penanaman di Pusat Penyelidikan & Tapak Semaian Gelam kepada Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. Turut hadir, Datuk Seri Tengku Baharuddin, Pengerusi Straits Energy Resources (kiri, barisan belakang), Tengku Seri Bijaya Raja, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, serta Datuk Seri Ron Ho, Pengarah Urusan Straits Energy Resources. Berdiri di sebelah kanan ialah Albert Leong, Pengarah Straits Energy Resources dan Tengku Mohd Arifin Tengku Datuk A Rahman, Pengarah Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu.

KUALA LUMPUR: Straits Energy Resources Berhad (Straits), syarikat tersenarai di Bursa Malaysia merasmikan Pusat Penyelidikan dan Tapak Semaian Gelam di Setiu, Terengganu, sebagai sebahagian daripada projek penghutanan semula berskala besar.

Melalui anak syarikatnya, Benua Hijau Sdn Bhd, Straits mensasarkan penanaman 100,000 pokok Gelam (*Melaleuca*) dalam tempoh lima tahun, untuk memulihkan 200 ekar kawasan hutan terbiar di Taman Negeri Wetlands Setiu, antara kawasan paya bakau terbesar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Perasmian pusat penyelidikan itu disempurnakan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin Abidin, dan dihadiri oleh pemimpin tempatan termasuk Datuk Mohd Fadali Yusof dari Yayasan DiRaja Sultan Mizan dan Tengku Mohd Arifin Tengku Datuk A Rahman dari Majlis Pengurusan Taman Negeri Terengganu (MPTN).

Menurut Pengarah Urusan Straits Energy, Datuk Seri Ron Ho, projek ini mencerminkan komitmen ESG syarikat dalam menjaga kelestarian alam. "Pembukaan Pusat Penyelidikan dan Tapak Semaian Gelam ini bukan hanya membolehkan kami mengurus setiap peringkat penanaman pokok secara langsung tetapi juga menyediakan peluang penyelidikan dan latihan bagi tenaga kerja serta pelatih baharu," katanya.

Tambahnya, kemudahan ini akan membantu Benua Hijau mencapai sasaran tahunan menanam 20,000 anak pokok Gelam. Fasiliti ini juga akan menjadi pusat penyelidikan saintifik dan pendidikan komuniti, fokus kepada kajian ekosistem Gelam dan penerokaan potensi komersial tanaman Melaleuca.

Straits kini membuka ruang kepada pelbagai rakan kongsi, termasuk syarikat korporat dan NGO, untuk terlibat dalam usaha kelestarian ini. Melalui kolaborasi ini, Straits berharap untuk mewujudkan sumber hutan mampan yang menyumbang kepada pengurangan intensiti karbon Malaysia sebanyak 45 peratus menjelang 2030, selaras dengan sasaran kerajaan.

Ho menjelaskan bahawa projek ini juga diharapkan dapat membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada komuniti setempat di sekitar Wetlands Setiu, sambil mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor pihak ketiga dalam proses penghutanan semula.

"Projek ini bukan sahaja memacu kelestarian tetapi turut menyokong matlamat korporat serta menyumbang kepada sasaran pengurangan karbon negara. Ini adalah contoh terbaik kerjasama awam-swasta yang dapat menjadikan usaha ESG lebih lestari dan bermanfaat," katanya.

Projek penghutanan semula ini dijangka memberi kesan jangka panjang terhadap keseimbangan ekosistem tempatan dan pada masa sama menyokong pembangunan ekonomi komuniti melalui pembukaan peluang dalam sektor penyelidikan dan teknologi hijau.